

Pemuda gesa MB, Exco terus bertugas

UM 26 JAN 2005

BANDAR JENGA 25 Jan. — Pergerakan Pemuda UMNO Pahang menggesa Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yakob dan barisan Exconya meneruskan tugas masing-masing kerana rakyat masih memerlukan khidmat mereka.

Ketuanya, Ismail Mohd. Said berkata, ini kerana kepimpinan kerajaan negeri ketika ini semakin kukuh dan mampu menghadapi pilihan raya umum bila-bila masa.

“Belum masanya Menteri Besar dan Exco-exconya mengundurkan diri kerana prestasi kepimpinan mereka amat baik dan berkesan,” katanya kepada Mingguan Malaysia hari ini.

Beliau mengulas kesediaan Adnan dan para Exconya untuk berundur pada pilihan raya umum akan datang jika diperlukan demi memberi laluan kepada muka baru.

Beliau bagaimanapun menjelaskan, tindakan barisan kepimpinan negeri menyerahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai kedudukan mereka sebagai tindakan bijaksana.

“Ini merupakan contoh kepada satu barisan kepimpinan yang tulen dan harus menjadi contoh kepada negeri-negeri lain kerana jarang perkara sebegini berlaku,” ujarinya.

Dalam pada itu, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Maran, Saifulbahri Mokhtar menyokong penuh kepimpinan Menteri Besar dan seluruh barisan Exconya sekarang.

Katanya, ini kerana perkhidmatan Menteri Besar terutamanya dengan sokongan Timbalannya, Datuk Tan Aminuddin Ishak serta exco lain berjaya mengekalkan kestabilan di negeri ini.

Beliau berkata, mereka menyokong proses peralihan pimpinan yang teratur tetapi ketika ini barisan kepimpinan yang diterajui oleh Adnan masih diperlukan oleh rakyat.